



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

MAJLIS MEMETERAI PERJANJIAN PENSWASTAAN PEMBANGUNAN SEMULA TAPAK LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI ATAS LOT 7145, TAMAN BUKIT CHERAS, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sebagai wakil Kerajaan Malaysia, Syarikat Tanah dan Harta Sdn. Bhd dengan F3 Cheras Development Sdn. Bhd. telah menandatangani satu Perjanjian Penswastaan Pembangunan Semula Tapak Loji Rawatan Kumbahan di atas Lot 7145, Taman Bukit Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jemaah Menteri pada 12 April 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan pembangunan semula melalui kaedah pertukaran tanah. Cadangan pembangunan tapak loji rawatan kumbahan di atas Lot 7145 (Aset KLR 134), Taman Bukit Cheras, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur ini merupakan antara perintis kerjasama awam swasta di dalam pembangunan industri perkhidmatan pembetungan dan akan dilaksanakan secara pertukaran tanah melalui pulangan kepada Kerajaan dalam bentuk in-kind.

Hasil daripada cadangan pembangunan semula ini, Kerajaan memperoleh faedah dalam bentuk rasionalisasi loji kumbahan dan loji-loji yang dinaik taraf yang seterusnya dapat membantu pelaksanaan Program Greater KL/KV di bawah seliaan NRECC melalui Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP). Hasil kerja-kerja rasionalisasi dan menaiktaraf ini akan memberi manfaat hasil pembangunan tanah secara komersial yang dapat meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut.

Cadangan pembangunan ini akan mengatasi masalah pencemaran bau yang menimbulkan masalah kacau ganggu kepada penduduk setempat hasil daripada proses rawatan di kolam oksidasi Taman Bukit Cheras.

Selain itu juga, kerja-kerja rasionalisasi loji-loji kecil serta rawatan kumbahan yang efisien di LRK Alam Damai turut menyokong dasar pembangunan negara. Pembangunan perkhidmatan pembetungan di kawasan bandar dengan kepadatan penduduk tinggi dilaksanakan berlandaskan konsep serantau (regionalisation). Kaedah ini dapat meningkatkan kecekapan dan mengurangkan pembinaan loji-loji kecil di kawasan pembangunan baharu.

Kerajaan melalui Agenda Transformasi Sektor Air 2040 (WST 2040) terus komited untuk membangunkan sistem pembetungan yang berdaya harap, mencukupi dan berkualiti pada kos yang berpatutan. Matlamat ini dapat dicapai melalui kerjasama awam-swasta termasuk dari aspek pendanaan alternatif dan pembangunan model perniagaan yang berdaya maju. Agenda ini amat penting dalam mentransformasikan sektor air negara ke arah kemampanan dan kesejahteraan negara.

Peningkatan akses kepada bekalan air bersih dan perkhidmatan sanitasi merupakan salah satu Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030. Kerajaan sentiasa membuka peluang kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi memastikan penyediaan infrastruktur pembetungan yang moden di seluruh negara melalui alternatif pendanaan. Ini adalah sejajar dengan salah satu Teras Strategik Utama Malaysia Madani iaitu menjamin kesejahteraan insan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)
28 NOVEMBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

